

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 APRIL 2015

# Pemergian Mohd. Po'ad satu kehilangan besar - PM *UM-1/4/2015*

**KUALA LUMPUR 31 Mac** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, Setiausaha Sulitnya, Datuk Mohd. Po'ad Jelani telah meninggal dunia.

Perdana Menteri menyifatkan Allahyarham sebagai seorang yang teliti dalam melaksanakan tugasnya.

"Allahyarham telah bersama saya sejak sekian lama. Al-Fatihah," kata Najib dalam catatan di laman Twitter miliknya.

Beliau kini berada di Sarawak untuk lawatan dua hari.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Kamsiah

Kamaruddin memberitahu Bernama, Mohd Po'ad, 50, meninggal dunia akibat barah di Hospital Raffles, Singapura pada pukul 9 pagi tadi.

Beliau berkata, Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini akan membantu menerbangkan jenazah Allahyarham ke Janda Baik petang ini untuk dikebumikan malam nanti.

Sementara itu, di **SUBANG**, Najib menyifatkan pemergian Allahyarham Mohd. Po'ad merupakan satu kehilangan besar buat Jabatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata,

beliau berasa sedih dengan kehilangan Allahyarham yang telah berkhidmat dengannya sejak tahun 1999 ketika memegang jawatan Menteri Pendidikan.

"Selama berkhidmat, Allahyarham telah menunjukkan tanggungjawab dengan amanah dan penuh dedikasi.

"Beliau telah banyak memberikan sumbangan dan saya merasakan pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar," katanya kepada pemberita selepas menziarahi jenazah di Masjid TUDM Subang, di sini hari ini.

Jenazah Allahyarham tiba di Pangkalan

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada pukul 6 petang untuk dimandikan dan disolatkan sebelum dihantar pulang ke kampung halamannya di Kampung Janda Baik, Pahang.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Datin Hamizah Abdul Khalid dan tiga orang anak iaitu Nabilatasha, 23, Nabila Afiqah, 21 dan Muhamad Irfan Hazim, 16.

Sementara itu, anak saudara Allahyarham, Ana Farahah Mohd. berkata, arwah telah dimasukkan ke hospital pada cuti sekolah yang lalu.



**MOHD PO'AD JELANI**